



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Penerbangan Awam (Pindaan) 1987
DR.8/1987

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.
2. Akta Penerbangan Awam 1969, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu” adalah dipinda dengan memasukkan selepas saja seksyen 24, BAHAGIAN Baru 8A yang berikut: BAHAGIAN Baru 8A.
Akta 3.

“

BAHAGIAN 8A

AKTIVITI JABATAN PENERBANGAN AWAM
BOLEH DIUSAHAKAN OLEH MANA-MANA
SYARIKAT, FIRMA, ORANG ATAU ORANG-
ORANG

Kuasa
Menteri
memberi-
kuasa atau
memberi
lesen.

24A. Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk memberi kuasa atau memberi lesen di atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya sesuai kepada mana-mana syarikat, firma, orang atau kumpulan orang

untuk mengusahakan mana-mana aktiviti Jabatan Penerbangan Awam sebagaimana yang didapatinya perlu.

Kuasa-kuasa Kerajaan untuk membuat apa-apa perkiraan mengenai hal berkongsi untung, dll. 24B. Kerajaan boleh—

- (a) membuat apa-apa perkiraan mengenai hal berkongsi untung, penyatuan kepentingan, bekerjasama atau usahasama dengan mana-mana orang atau kumpulan orang; atau
- (b) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

Akta 125.

Pelupusan tanah.

24c. Bagi mengelakkan keraguan, jika apa-apa kepentingan mengenai tanah terletak hak pada Persekutuan bagi maksud-maksud penerbangan awam, adalah sah bagi Persekutuan, menurut Perkara 86 Perlembagaan, melupuskan kepentingan mengenai tanah itu kepada mana-mana orang atau kumpulan orang untuk digunakan oleh orang atau kumpulan orang tersebut bagi maksud-maksud persekutuan.

Pengemukakan memorandum bagi apa-apa perubahan dalam bayaran-bayaran yang sedia ada.

24D. (1) Mana-mana syarikat, firma, orang atau orang-orang yang diberi kuasa atau diberi lesen di bawah Akta ini hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri satu memorandum bagi apa-apa perubahan dalam bayaran yang sedia ada yang dinyatakan di bawah seksyen 3 untuk kelulusan Menteri.

(2) Jika tiada jawapan diterima dari Menteri mengenai memorandum yang dikemukakan di bawah seksyen-kecil (1) dalam masa enam bulan, dari tarikh pengemukannya, perubahan dalam bayaran-bayaran yang sedia ada sebagaimana terkandung dalam memorandum hendaklah berkuatkuasa apabila tamat tempoh tersebut.

(3) Syarikat, firma, orang atau orang-orang yang diberikuasa atau diberi lesen sedemikian di bawah Akta ini hendaklah seberapa segera yang praktik menyiarkan perubahan dalam bayaran-bayaran yang sedia ada itu dalam akhbar, sekurang-kurangnya satu dalam bahasa Melayu dan satu dalam bahasa Inggeris atau bahasa Cina.

(4) Menteri hendaklah seberapa segera yang praktik membuat pindaan-pindaan yang perlu kepada peraturan-peraturan mengenai perubahan dalam bayaran-bayaran yang sedia ada.”.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas saja seksyen 27, seksyen baru 27A yang berikut:

Seksyen
baru 27A.

“Kuasa-
kuasa
khusus
dalam masa
darurat.

27A. (1) Apabila berlaku apa-apa darurat awam atau bagi kepentingan keselamatan awam, Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara khusus olehnya boleh—

- (a) mengambil milikan sementara mana-mana perkhidmatan penerbangan awam yang ditubuh, disenggara atau dikerjakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa atau diberi lesen di bawah Akta ini; atau
- (b) menarik balik sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya penggunaan mana-mana perkhidmatan penerbangan awam dari mana-mana orang atau kelas orang-orang atau dari orang awam.

(2) Jika apa-apa keraguan timbul mengenai wujudnya darurat awam atau sama ada apa-apa perbuatan yang dilakukan di bawah seksyen-kecil (1) adalah bagi kepentingan keselamatan awam, suatu sijil yang ditandatangani oleh Perdana Menteri dan

dipamerkan di mana-mana tempat sebagaimana Menteri fikirkan patut hendaklah menjadi bukti yang konklusif perkara itu.

(3) Jika Kerajaan mengambil milikan ke atas mana-mana perkhidmatan penerbangan awam di bawah seksyen-kecil (1) (a), pampasan yang mencukupi hendaklah dibayar.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

2. *Fasal 2* bertujuan mengadakan satu Bahagian baru 8A. Seksyen 24A yang dicadangkan memberi kuasa kepada Menteri memberi kuasa atau memberi lesen kepada mana-mana syarikat, firma, orang atau orang-orang untuk mengusahakan mana-mana aktiviti Jabatan Penerbangan Awam. Seksyen 24B yang dicadangkan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengadakan apa-apa perkiraan untuk perkongsian keuntungan, dll., dengan mana-mana orang atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan mana-mana syarikat. Seksyen 24C yang dicadangkan mengadakan peruntukan bahawa adalah sah bagi Persekutuan untuk melupuskan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletaklah padanya bagi maksud-maksud persekutuan. Seksyen 24D yang dicadangkan menghendaki mana-mana orang yang diberi kuasa atau diberi lesen di bawah Akta mengemukakan memorandum kepada Menteri bagi perubahan pada bayaran-bayaran yang ditetapkan di bawah mana-mana peraturan.

3. *Fasal 3* bertujuan mengemukakan seksyen baru 27A untuk memberi kuasa-kuasa khusus kepada Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara khusus olehnya berkenaan dengan darurat awam atau bagi kepentingan keselamatan awam.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1383.]